

# LATIHAN PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA TINGKATAN 4 KSSM

BERDASARKAN ANTOLOGI: JAKET KULIT KIJANG

ISI TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL.  
TARIK KOTAK JAWAPAN KE KOTAK KOSONG PADA SOALAN

## ▶ Petikan Sastera

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### Bahan 1

#### SAJAK AKU MEMBACA LAGI

Aku mendongak langit  
membaca garis dan titik  
menaakuli kebesaran-Mu  
di bawahnya gumpulan mega  
hembusan bayu dan banjaran gunung.

Kuselusuri alam  
kicauan burung  
desiran ombak dan wajah pelangi  
mewarnai kehidupan umat-Mu.  
ku mendongak lagi  
membaca langit  
di dalamnya pohon-pohon kayan rapuh  
dahan dan ranting terkulai

daun-daun berguguran  
helai demi helai  
di lantai tanah airku yang makmur.

Aku membaca langit  
Kutemui  
bulan dan bintang menangis  
meratapi luka nasib bangsa.

Aku mendongak lagi  
menitis air mata langit  
membasahi bahasa Melayuku  
yang berdarah.

**Razali Mohd Yussof,**  
(antologi *Jaket Kulit Kijang* dari Istanbul,  
Kementerian Pendidikan Malaysia)

### Bahan 2

Minggu-minggu pertama saya berada di kota mewah ini, dapat saya saksikan kerapuhan jiwa anak-anak muda sebangsa saya. Mereka dihanyutkan keseronokan hidup dengan memperdagangkan maruah dan peribadi. Saya berasa jelik dan aib menyaksikan adegan sumbang wajah-wajah anak muda peribumi tanah air ini yang tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan merosakkan agama yang murni. Anak-anak muda lelaki perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas sambil bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa. Mereka bergelak tawa dalam loghat yang direka-reka konon untuk menunjukkan kemodenan. Saya jadi keliru dengan setiap patah slanga dan klausa yang tidak saya faham. Ada yang menggunakan pelbagai istilah rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing yang mengelirukan. Saya jadi buntu. Malah berasa malu dengan sikap dan gelagat anak-anak muda sebangsa saya yang telah hilang identiti dan jati diri di negara mewah ini.

(Dipetik daripada cerpen "Munsi" oleh Husna Nazri,  
antologi *Jaket Kulit Kijang* dari Istanbul,  
Kementerian Pendidikan Malaysia)



**SOALAN:**

**Soalan**

1. Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud *sikap dan gelagat*. [2 markah]

**Jawapan**

Berdasarkan Bahan 2, maksud sikap dan gelagat ialah \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.

**Soalan**

2. Nyatakan masalah-masalah buruk yang terdapat dalam kesemua bahan di atas. [4 markah]

**Jawapan**

Masalah -masalah buruk yang terdapat dalam kesemua bahan di atas ialah \_\_\_\_\_ yang tidak dimartabatkan dan bahasa Melayu yang semakin diketepikan terus dipinggirkan oleh semua pihak. Selain itu, \_\_\_\_\_ juga berlaku kerana anak muda digambarkan menjual bahasa ibuanda mereka.

3. Dalam era teknologi yang kian rancak dengan pembangunan dan modenisasi ini, penggunaan Bahasa Melayu yang betul hanya dipandang enteng oleh masyarakat. bahasa Melayu yang dahulunya menjadi lingua franca kian hilang.

**Soalan**

- Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor pencemaran bahasa dalam kalangan masyarakat. [3 markah]

**KBAT**

**Jawapan**

Pada pendapat saya, antara faktor pencemaran bahasa dalam kalangan kerana bahasa yang digunakan oleh \_\_\_\_\_ kebanyakannya menggunakan bahasa rojak iaitu, percampuran antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris telah menjadi ikutan pengguna. Di samping itu juga, \_\_\_\_\_ menyumbang ke arah pencemaran bahasa kerana mereka tidak peka terhadap bahasa yang digunakan dalam berkomunikasi.

4. Andai kata anda seorang guru mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah. Anda mendapati ramai anak murid anda suka menggunakan Bahasa rojak dalam pertuturan seharian.

**Soalan**

- Sebagai seorang guru yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu untuk mengatasi masalah ini? [4 markah]

**KBAT**

**Jawapan**

Sebagai seorang guru yang prihatin, saya akan menegur dan \_\_\_\_\_ untuk memastikan mereka belajar daripada kesilapan mereka agar kesalahan itu tidak diulang lagi. Selain itu, saya juga akan bekerjasama dengan guru-guru yang lain dengan menganjurkan \_\_\_\_\_ yang berkaitan dengan bahasa seperti pertandingan pidato, kuiz bahasa supaya mereka belajar tentang Bahasa yang betul. Selain itu, saya juga akan \_\_\_\_\_ terhadap murid yang menggunakan \_\_\_\_\_ agar isu pencemaran Bahasa dalam kalangan murid dapat dikurangkan.